

TEKS UCAPAN

**Y.BHG. PROF. DR. ZULKIFILIE IBRAHIM
TNC (A&A) UTeM**

**Majlis Simbolik Penyerahan Kunci bagi
Projek Bangunan Kompleks Dewan Kuliah,
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**

10 Februari 2022 (Khamis), 2.30 petang

Bangunan Kompleks Dewan Kuliah, Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

- i. **Yang Berbahagia Dato' Seri Abdul Razak Jaafar**
Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi
Malaysia
- ii. **Yang Berbahagia Dr. Mohd Zabri bin Yusoff**
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan
Pembangunan) KPT;
- iii. **Yang Berbahagia Datuk Ir. Hj. Ismail bin Abd. Rahman**
Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka

- iv. **Yang Berusaha Encik Shamsuddin bin Yusof**
Pengerusi, Koperasi Peserta-Peserta Rancangan
FELCRA Sebarang Perak Berhad

- v. Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pengajian Tinggi
(KPT);

- vi. Pegawai-pegawai Kanan Universiti Teknikal Malaysia
Melaka

- vii. Seterusnya para hadirin sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh dan Salam
Sejahtera

1. Pertama sekali, saya ingin sampaikan salam dari Prof. Dr. Ghazali Omar, Menjalankan Fungsi Naib Canselor. Beliau mohon maaf kerana tidak dapat bersama-sama hadir ke majlis petang ini kerana masalah kesihatan yang tidak dapat dielakkan. Beliau mendoakan agar majlis petang ini berjalan dengan lancar.
2. Justeru, izinkan saya untuk menyampaikan ucapan aluan.
3. Alhamdulillah, marilah kita panjatkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT yang telah mengizinkan kita untuk hadir bersama secara fizikal pada hari ini, bagi Majlis Penyerahan Kunci Kompleks Dewan Kuliah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

4. Di kesempatan ini, saya mewakili seluruh warga UTeM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Dato' Seri Abdul Razak Jaafar, Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi, kerana sudi meluangkan masa untuk hadir ke majlis pada petang ini. Difahamkan, majlis ini juga merupakan majlis pertama anjuran UTeM yang dihadiri oleh Yang Berbahagia Dato' Seri. Diharapkan, hubungan keakraban dan ukhuwah yang terjalin ini akan berpanjangan dan berkekalan demi kebaikan kita bersama khususnya dalam agenda pembangunan Universiti yang lebih mapan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

5. Pada masa kini, UTeM memiliki kekuatan siswa dan siswi seramai hampir 14,000 orang dalam peringkat pengajian Diploma sehingga ke PhD.
6. Peningkatan enrolmen pelajar UTeM pada setiap sesi kemasukan, memerlukan perancangan pembangunan dan fasiliti Universiti yang strategik dan holistik bagi memastikan kemudahan yang disediakan dapat memberi keselesaan dan melengkapinya sekali gus menyokong proses pengajaran dan pembelajaran yang serba kondusif.

7. Melihat kepada keperluan ini, UTeM telah mencadangkan kepada pihak KPT untuk membina dan menyiapkan Kompleks Dewan Kuliah di Kampus Induk UTeM. Alhamdulillah, projek ini telah mendapat kelulusan peruntukan di bawah Rolling Plan Pertama, Rancangan Malaysia Ke-Sebelas bagi tahun 2016/2017 dengan kelulusan kos siling berjumlah RM 15 juta.
8. Projek pembinaan Kompleks Dewan Kuliah ini telah bermula pada 19 Jun 2019 dan berdasarkan perancangan awal ianya dijangka siap sepenuhnya selama 18 bulan atau satu tahun enam bulan. Walau bagaimanapun, tempoh siap pembinaan

projek ini tertangguh sedikit dari tarikh asal kerana gerak kerja pembinaan turut terkesan akibat pandemik COVID-19. Walau apa pun cabaran yang mendatang, Alhamdulillah berkat kecekalan dan komitmen dari semua pihak terlibat, akhirnya projek ini dapat disiapkan sepenuhnya pada 11 Oktober 2021.

9. Bangunan baharu Kompleks Dewan Kuliah berkeluasan 4,452.0 meter persegi ini menyediakan ruang-ruang akademik dan pentadbiran seperti:

- a. Dua (2) unit Dewan Kuliah jenis bertingkat berkapasiti 300 orang;
- b. Dua (2) unit Dewan Kuliah jenis rata berkapasiti 300 orang;
- c. Empat (4) unit Dewan Kuliah jenis rata berkapasiti 150 orang;
- d. Dua (2) unit bilik bacaan,
- e. Ruang pentadbiran yang mampu menempatkan 19 orang staf iaitu Bahagian Pengurusan Akademik, Pejabat Pendaftar yang telah pun berpindah ke Kompleks Dewan

Kuliah ini pada hujung Januari lepas, selain turut dilengkapi dengan infrastruktur sokongan.

10. Sebagai makluman Dato' Seri dan hadirin sekalian, dewan kuliah jenis bertingkat di Kompleks Dewan Kuliah ini juga telah dijadikan sebagai bilik persiapan dan susunan graduan semasa Majlis Konvokesyen ke-16 pada 9 sehingga 12 Disember 2021 yang lalu.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

11. Sebelum mengakhiri ucapan, bagi pihak UTeM, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan semua pihak yang telah memberikan kerjasama dalam pembangunan projek Kompleks Dewan Kuliah ini, antaranya, Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, kontraktor utama, Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad dan semua perunding yang telah berganding bahu bersama UTeM dalam menyiapkan projek ini dengan jayanya.

12. Pencapaian projek ini yang dikendalikan sendiri oleh UTeM telah membuktikan keupayaan kami untuk melaksanakan projek pembangunan berdasarkan peruntukan yang telah disalurkan pihak KPT.
13. Untuk makluman YBhg. Dato' Seri, UTeM secara konsisten telah mengemukakan permohonan pembinaan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) sejak RMK-10. Namun sehingga kini, permohonan kami masih belum berjaya. Kami sangat-sangat menghargai sokongan KPT dalam memperaku dan seterusnya meluluskan permohonan

projek pembangunan yang akan kami kemukakan dalam RMK-12 Rolling Plan ke-3 yang akan datang. InsyaAllah, peruntukan yang disalurkan oleh KPT kelak akan dimanfaatkan sepenuhnya.

14. Menerusi kejayaan projek ini, kami berharap agar aspirasi kami untuk mewujudkan kampus yang dinamik dan pintar dapat direalisasikan seterusnya berupaya menerajui kecemerlangan pendidikan tinggi teknikal negara. Semoga segala yang telah diusahakan oleh semua pihak mendapat rahmat dari Allah SWT.

Saya sudah ucapkan dengan Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

